

DEB cemerlang tangani kemiskinan

BH - 21/11/2006

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Kejayaan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) mengubah sosioekonomi seluruh masyarakat di negara ini, adalah bukti terbaik untuk menafikan tanggapan sesetengah pihak bahawa ia hanya memanfaatkan golongan kaya saja.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, keberkesanan strategi DEB dalam membantu menghapuskan kemiskinan di negara ini adalah kejayaan terbesar dasar itu yang mungkin juga rekod terbaik dunia.

“Jangan fikir aspek perniagaan saja, lihat masalah kemiskinan dalam negara. Kita sudah dapat kurangkan hingga boleh menyatakan bahawa tahap kemiskinan tegar akan dapat dihapuskan menjelang 2010... ini suatu kemajuan besar.

“Kalau sebelum DEB, kadar kemiskinan di negara ini lebih 50 peratus, sekarang ia menurun kepada lima peratus saja. Jadi saya menolak sama sekali (tanggapan) bahawa DEB menguntungkan golongan tertentu saja,” katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Ibn Khaldun yang bertemakan ‘Warisan Pemikiran Ibn Khaldun dan Kepentingannya Bagi Zaman Kita Sekarang’ di sini, semalam.

Turut hadir pada majlis itu, Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Tan Sri Sanusi Junid dan lebih 400 peserta termasuk 20 sarjana Islam dari Amerika Syarikat

(AS), Mesir, Iran, Afrika Selatan, Filipina dan Jerman.

Persidangan itu dianjurkan Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) di UIAM. Ibn Khaldun antara lain terkenal dengan konsep ‘hadarah’ iaitu tamadun kekotaaan, atau istilah dalam bentuk sifatnya iaitu hadhari.

Najib berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran dan Perancangan Ekonomi Pulau Pinang, Datuk Dr Toh Kin Woon kononnya dasar itu hanya untuk golongan elit saja terutama yang rapat dengan pemimpin.

Toh membuat dakwaan itu dalam

forum di Pulau Pinang kelmarin, yang turut dihadiri wakil dari parti pembangkang.

Najib berkata, kerajaan tidak pernah memberi tumpuan kepada orang Melayu dalam usahanya menghapuskan kemiskinan kerana dalam memberi peluang di bawah DEB, ramai juga tokoh korporat bukan Melayu menjadi kaya.

“Kenapa difokus kepada satu atau dua tokoh korporat Melayu saja, yang bukan Melayu banyak mendapat limpahan dan kontrak dari kerajaan dan kelulusan tertentu. Kenapa tidak dipersoalkan?” katanya.

Najib berkata, kerajaan mengakui DEB ada kelemahan tetapi ia akan cuba

diperbaiki berdasarkan pengalaman.

“Mungkin ada beberapa pendekatan yang tidak sesuai, mungkin tidak menghasilkan apa yang diharapkan... kita boleh kaji semula. Umpamanya, penswastaan... ada kelemahannya dan kita akan kaji semula,” katanya.

Sementara itu, ketika berucap Najib berkata, jika Ibnu Khaldun yang mencetuskan teori asabiyyah masih hidup, beliau mungkin menganggap Malaysia sebagai negara terbaik bagi menguji teorinya itu.

“Malaysia berdepan tugas besar bagi membangun dan menggalakkan perpaduan ummah dengan sahsiah Malaysia dari pelbagai latar belakang etnik dan agama,” katanya.